



IKLAN JAWATAN KOSONG

Semua staf Syarikat Sinergi Perdana Sdn. Bhd dan seluruh warganegara Malaysia adalah dipelawa untuk mengisi kekosongan jawatan di Sinergi Perdana Sdn. Bhd. seperti maklumat berikut:

1. OPERATOR ELEKTRIK (TG2)	
Gred Jawatan :	Teknisyen Gred 2 (TG2)
Tangga Gaji :	RM1,775 – RM3,836
Status Jawatan :	Tetap / Kontrak
Jabatan / Unit :	Perkilangan / Kejuruteraan
Lokasi :	Bandar Sultan Suleiman, Pelabuhan Klang, Selangor
Kekosongan :	Satu (1)

RINGKASAN TANGGUNGJAWAB

Operator Elektrik bertanggungjawab membantu Penyelia menyelesaikan semua permasalahan berkaitan sistem elektrik di kawasan kilang dan bangunan bagi memastikan operasi berjalan lancar.

SKOP TUGASAN

- Melaksanakan pemeriksaan berkala, penyelenggaraan rutin serta penyelenggaraan pencegahan (preventive maintenance) ke atas sistem elektrik dan elektronik bagi menjamin operasi yang selamat dan efisien.
- Membantu dalam inisiatif penambahbaikan proses (process improvement) yang melibatkan sistem elektrik dan elektronik.
- Mempunyai kemahiran asas dalam Programmable Logic Controller (PLC) termasuk kerja-kerja troubleshooting bagi input/output (I/O) dan sensor.
- Berpengalaman dalam sistem kuasa elektrik (Power Electrical) merangkumi pengendalian dan penyelenggaraan panel elektrik, MCCB, contactor serta overload relay.
- Mempunyai kefahaman dalam sistem pneumatik termasuk kerja-kerja troubleshooting kebocoran dan pergerakan silinder.



- Berkemahiran asas dalam bidang Instrumentation & Control termasuk pengendalian sensor (proximity sensor, photo sensor, limit switch), actuator dan motor.
- Sebarang tugas atau projek lain seperti yang diarahkan oleh ketua unit / ketua jabatan dan pihak pengurusan.

SYARAT DAN KELAYAKAN AKADEMIK SERTA PENGALAMAN

- Warganegara Malaysia.
- Berumur tidak kurang daripada 20 tahun.
- Lulus Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau Sijil / Diploma dalam Electrical, Mechatronic, Automation, Industrial Engineering atau setara
- Pengalaman kerja tidak kurang satu (1) tahun dalam bidang elektrik diberi keutamaan.
- Calon yang sedang berkhidmat di Sinergi Perdana Sdn. Bhd. perlu mendapat perakuan daripada Ketua Jabatan masing-masing.

2. KERANI PEMASARAN (KG3)	
Gred Jawatan	: Kerani Gred 3 (KG3)
Tangga Gaji	: RM1,700 – RM3,359
Status Jawatan	: Tetap / Kontrak
Jabatan	: Pemasaran & Pembangunan Perniagaan
Lokasi	: Menara Kumpulan RISDA, Jalan Ampang Ulu 3, Kuala Lumpur
Kekosongan	: Satu (1)

RINGKASAN TANGGUNGJAWAB

Bertanggungjawab membantu Ketua Unit / Eksekutif dalam menguruskan aktiviti urusniaga produk bekalan baja dan input pertanian syarikat termasuk memastikan dokumen dan pemfailan unit teratur.

SKOP TUGASAN

- Melakukan kerja-kerja kemasukan dokumen & penyalinan data semua aktiviti berkaitan Jabatan Pemasaran
- Melakukan fotokopi dan email dokumen kepada organisasi, pelanggan, syarikat atau badan tertentu bagi kontrak berkaitan Pasaran RISDA & KRH.
- Membantu menyediakan semua laporan dan slide Pembentangan berkaitan Laporan Kontrak, Pesanan Belian, Bekalan, tuntutan, Perancangan Bekalan dan Inventori secara Softcopy dan Hardcopy sama ada melalui *Shared Drive* atau Buku Laporan secara Harian, Mingguan dan Bulanan mengikut KPI yang ditetapkan.
- Melaksanakan aktiviti Jualan, Pemasaran dan Roadshow Produk Input Pertanian secara bersemuka atau melalui media sosial.
- Membantu menyediakan surat dan email untuk disemak oleh Ketua Unit dan kelulusan Ketua Jabatan
- Menjawab panggilan telefon atau pertanyaan elektronik dan menyambungkan kepada orang berkenaan.
- Melaksana tugas-tugas yang lain yang diarahkan oleh Ketua Unit dan Ketua Jabatan dari semasa ke semasa.



SYARAT DAN KELAYAKAN AKADEMIK SERTA PENGALAMAN

- Warganegara Malaysia.
- Berumur tidak kurang daripada 20 tahun.
- Lulus Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
- Pengalaman kerja tidak kurang satu (1) tahun dalam pemasaran diberi keutamaan.
- Calon yang sedang berkhidmat di Sinergi Perdana Sdn. Bhd. perlu mendapat perakuan daripada Ketua Jabatan masing-masing



CARA PERMOHONAN

Permohonan hendaklah dibuat secara bersurat melalui serahan tangan, pos atau e-mel dengan menyertakan dokumen-dokumen berikut:

1. *Resume* terkini
2. Salinan kad pengenalan
3. Salinan surat beranak
4. Salinan kelayakan sijil akademik dan lain-lain yang disahkan
5. Salinan slip gaji tiga (3) bulan yang telah disahkan
6. Sekeping gambar berukuran saiz pasport
7. Lain-lain dokumen sokongan tambahan yang berkaitan.

Permohonan lengkap hendaklah dihantar ke alamat: SINERGI PERDANA SDN. BHD. (903305-K) Tingkat 10, Menara Kumpulan RISDA, Jalan Ampang Ulu 3, 55000 Kuala Lumpur T: +603-48157260 F: +603-48157280 (U/P: Ketua Pegawai Eksekutif http://www.sinergiperdana.com.my/ ATAU Emailkan: Kepada: shifaa@sinergiperdana.com.my / nazia@sinergiperdana.com.my (Nyatakan nama jawatan yang dipohon pada tajuk email) **Sila nyatakan jawatan yang dipohon di penjuru kiri sampul surat PERHATIAN: Permohonan yang lewat, tidak lengkap atau tidak mengikut syarat akan ditolak. Hanya calon-calon yang ditapis senarai sahaja yang akan dipanggil temuduga.	TARIKH TUTUP SILA HANTAR PERMOHONAN ANDA SEBELUM ATAU PADA 20 Februari 2025
--	---